

PM anggap PBB tidak berguna lagi

24 MAY 2002

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) kini seolah-olah tidak berguna lagi kerana sebuah negara seperti Israel boleh memperlekehkan badan dunia itu.

Perdana Menteri yang sedih dengan keputusan Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan membubarkan pasukan pencari fakta ke kem pelarian Jenin di Palestin, berkata tekanan Israel itu disokong kuasa besar dalam PBB.

"Saya berasa sedih pengunduran PBB itu seperti diisytiharkan oleh Kofi Annan.

"Kalau satu negara seperti Israel boleh mengingkari seluruh dunia, tak gunalah kita ada PBB...apa guna PBB," katanya selepas menyampaikan ucapan pada Seminar Pembudayaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) anjuran Pergerakan Pemuda Umno di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas keputusan PBB yang diumumkan Annan semalam untuk membatalkan penghantaran misi 20 anggota ke Jenin bagi mengumpul maklumat untuk menyiasat dakwaan pembunuhan beramai-ramai rakyat Palestin oleh tentera Israel di kem pelarian itu.

Di Washington hari ini, Annan mengumumkan pasukan 20 anggota itu dibubarkan tetapi menyatakan bahawa PBB akan mencari siasatan alternatif jika diminta berbuat demikian oleh Majlis Keselamatan badan dunia yang dikuasai negara Barat itu.

Pegawai Israel sebelum ini mengemukakan beberapa bantahan selain menyatakan Tel Aviv enggan memberi kerjasama kepada pasukan berkenaan.

Tidak cukup dengan itu, Israel terus menghina PBB dan memnerlekeh undang-undang antarabangsa apabila meminta sekutu kuatnya, Amerika mengguna kuasa veto bagi membatalkan sebarang misi siasatan badan dunia yang bakal dikenakan ke atas Israel pada masa depan berhubung isu Jenin.

Berikutan itu negara Arab yang diketuai Syria dan Tunisia serta merta mengemukakan draf ketetapan kepada

Rakyat Palestin tinggal di Israel mesti dibenar pulang

DARI MUKA 1

Majlis Keselamatan bagi menuntut kerjasama Israel berdasarkan Fasal VII Piagam PBB yang membolehkan Israel dikenakan tindakan hukuman jika menolak sebarang misi PBB.

Mengulas tindakan yang boleh diambil terhadap Israel, Dr Mahathir berkata ia boleh dilakukan dari segi undang-undang tetapi agak sukar tanpa penguatkuasaan.

"Penguatkuasaan ini bergantung kepada kekuatan negara-negara yang menyokong PBB.

"Kalau negara terkuat, yang menyokong PBB tidak mahu mengambil tindakan, secara tidak langsung, Israel mempunyai kuasa negara itu," katanya.

Mengenai rasa tidak puas hati dunia Arab terhadap pembebasan Yasser Arafat daripada kepunguan, sebaliknya mahukan pengunduran sepegunya askar Israel dari wilayah Palestin, Perdana Menteri berkata, begitulah juga menjadi pendirian Malaysia selama ini.

"Itu pendirian Malaysia. Pertamanya ialah mesti ada pasukan PBB di Palestin. Yang kedua, rakyat Palestin jangan diganggu.

"Segala penempatan (oleh Israel) mesti diroboh dan rakyat Palestin yang dulu tinggal di Israel, mesti dibenar balik," katanya.

Ditanya apakah pandangan itu turut dikemukakan apabila mengadakan pertemuan dengan Presiden George W Bush di White House tidak lama lagi, Dr Mahathir berkata:

"Saya tak tahulah setakat mana saya boleh bercakap. Tetapi biasanya bila kita jumpa dengan "orang besar" ini, kita tak ada masa banyak. Kita dapat (masa) mungkin sejam ke...45 minit saja ke, tak apalah. Sedikit sebanyak yang kita boleh, kita bercakaplah," katanya.

Bagaimanapun beliau berpendapat, negara Islam sedunia perlu bersatu dan mempunyai satu suara untuk menangani masalah rakyat Palestin.

Katanya, selagi umat Islam berpecah-belah, mereka tidak akan dapat menggunakan kekuatan yang ada untuk membanteras keangkuhan Israel itu.

"Tetapi kita dapati bahawa walaupun kita ada mesyuarat negara-negara Islam, tak semua yang hadir.

"Dan, kalau kita ada satu tindakan untuk yang berkesan, ada negara Islam lain juga yang akan menentukan tindakan itu akan gagal," katanya.